

26

Kursus UUMku Cemerlang - 1 Julai 2010

Unit Latihan Jabatan Pendaftar -PEND

Sent: Tuesday, June 29, 2010 11:41 AM

To: UUM - All Staff

Attachments: Snrai nama Psrta kursus u~1.docx (24 KB) ; Panduan Am utk Kursus UUM~1.docx (15 KB) ; ATURCARA UUMKU CEMERLANG.docx (14 KB) ; Brang jwpm khdrn kur. UUM~1.docx (15 KB)

29 Jun 2010 / 16 Rejab 1431H

=====

"UUM: UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)

Tuan/Puan

JEMPUTAN MENGHADIRI KURSUS UUMKU CEMERLANG

Merujuk surat bertarikh 14 Jun 2010 kepada peserta-peserta Kursus UUMku Cemerlang.

Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar akan menganjurkan "Kursus UUMku Cemerlang" untuk kakitangan yang melaporkan diri bermula Januari 2010 hingga sekarang. Maklumat kursus adalah seperti berikut :

Tarikh : 1 Julai 2010 (Khamis)
Masa : 8.30 pagi - 4.30 petang
Tempat : Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen

Sehubungan dengan itu, berikut dilampirkan senarai nama peserta-peserta kursus tersebut di atas sebagai rujukan/makluman pihak tuan/puan. Kehadiran tuan/puan dalam kursus ini adalah DIWAJIBKAN.

Bersama-sama ini juga disertakan sekali lagi Panduan Am, Aturcara Program dan borang jawapan pengesahan kehadiran kursus untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Tuan/puan juga diminta mengurus dan menyelaras tugas dan tanggungjawab dengan Ketua Jabatan/Pusat/Kolej supaya perkhidmatan di Jabatan/Pusat/Kolej tuan/puan dapat berjalan dengan lancar dan tidak menjejaskan perjalanan kursus ini.

Sukacita sekiranya tuan/puan dapat memberi jawapan maklumbalas bagi tujuan pengesahan kursus tersebut ke Jabatan ini, sila hubungi Sharifah Nor Jasmin Syed Omar di talian 3087 dengan kadar segera.

Kerjasama tuan/puan bagi menjayakan program ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah

t.t.
(AZAHARI BIN AZMI)
Penolong Pendaftar Kanan
Unit Latihan
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
b.p Ketua Penolong Pendaftar
Jabatan Pendaftar